

# Sejarah Pakistan

Di dalam beberapa bilangan yang lalu – di ruangan ini – kita telah begitu jauh membawa para pembaca sekalian mengembara ke Timur Tengah untuk memperkenalkan negara-negara Islam dirantau sebelah sana. Maka mulai bilangan ini kita akan membawa pula para pembaca meninjau ke benua Asia di mana di dalamnya terletak beberapa buah negara Islam yang sedang membangun menuju ke arah kemajuan menuju ke arah kemajuan, kita mulakan dengan memperkenalkan negara Pakistan. – Pegarang.

## Ilmu Alam

### Duduknya:

Pakistan adalah terdiri daripada dua buah bahagian yang berasingan – Pakistan Barat dan Pakistan Timur. Pakistan Barat terletak di barat laut benua kecil Indo-Pakistan dan Pakistan Timur di timur laut; dua bahagian itu terpisah di antara satu dengan yang lain sejauh hampir 1,100 batu.

Pakistan barat disempadani di timur oleh India dan Tibet, di utara oleh negeri China, di barat laut oleh Afghanistan, di barat oleh Iran dan di barat daya dan di selatan oleh Laut Arabia. Luasnya ialah 310,236 batu persegi.

Pakistan Timur disempadani di timur oleh Burma dan India, di utara dan di barat oleh India dan di selatan oleh Teluk Benggala. Luasnya ialah 54,501 batu persegi. Luasnya kedua-dua bahagian itu ialah 364,737 batu persegi.

## Kedaaan bumi:

Dari segi ilmu alam Pakistan

Barat bolehlah dibahagi kepada tiga bahagian:



Almarhum Qā'id al- 'Āzīm Muhammad Ali

Jinnah pengasas negara Pakistan

1. Bahagian utara dan barat laut yang bergunung ganang.

2. Tanah tinggi dan rata

Balochistan di barat banjaran gunung tu.

3. Tanah rendah dan rata di sekitar Sungai Indus.

1. Banjaran Gunung Himalaya; cabangnya ke barat, Hindu Kush, memisahkannya daripada Afghanistan dan merentang ke selatan hingga ke laut ialah rumpunan-rumpunan bukit yang bersambung dengan banjaran-banjaran gunung Sulaiman dan Kirthar. Banjaran gunung itu memisahkan tanah rata tinggi Balochistan daripada tanah rata rendah Indus. Banyak genting-genting di banjaran gunung itu: Genting Khyber yang bersejarah, Genting Bolan dan Genting Gomal.

2. Di sebelah sana banjaran gunung itu dan dikelilingi olehnya di tiga segi, terbentang dataran tinggi Balochistan yang kering itu, tingginya di antara 1,000 kaki dengan 3,000 kaki.

3. Dari kaki gunung Himalaya di timur laut dan banjaran Selat di barat laut, tanah rata Indus terbentang luas hingga ke laut Arabiah. Sungai-sungai di dataran Indus

## Sejarah Pakistan

sentiasa berair kerana tanah dari salji di banjaran Himalaya sentiasa mengalir ke dalamnya; melainkan sungai Sutlej, kesemuanya berpunca di banjaran Himalaya.

Sungai yang penting sekali, daripada mana daerah itu mendapat namanya, ialah sungai Indus, yang berpunca di Tibet dan mengalir lebih daripada 2,500 batu hingga sampai ke Laut Arabiah, 110 batu di barat daya Karachi. Sungai yang pertama di timur Indus ialah sungai Jhelum<sup>1</sup> yang berpunca di Kashmir. Kemudiannya sungai Chenab<sup>2</sup>, yang berpunca di banjaran Himalaya di dalam India dan mengalir ke Pakistan dari Kashmir.

Sungai Ravi dan Sungai Sutlej mengalir ke dalam negeri itu secara langsung dari kawasan India. Kelima-lima sungai Punjab itu tidak mengalir ke dalam Indus secara berasingan; Jhelum dan Chenab bersatu di Trimmu; Ravi bertemu dengan kedua sungai itu dekat Sidhnai, menjadi sungai Trimmu, Sutlej mengalir ke dalam Pakistan dan selepas mengalir ke arah selatan, bertemu pula dengan Trimmu.

Sungai yang terbentuk dari lima batang sungai itu, yang dinamakan Panjnad<sup>3</sup>, kemudiannya mengalir ke dalam sungai Indus di Minthankot. Dari situ sungai Indus itu mengalir ke laut.

Pakistan timur ialah sebuah daerah yang merupakan sebuah beting dibentuk oleh dua daripada sungai-sungai yang besar sekali di Asia, iaitu sungai Brahmaputra dan Sungai Ganges (diketahui di sebelah hilir sebagai

sungai Jamuna dan Sungai Padma).

Pakistan Timur ialah sekeping tanah rendah yang luas dan gembur dengan sedikit bukit-bukit di timur dan timur laut dan di utaranya terdapat kaki gunung Himalaya. Hampir seluruh Pakistan adalah rata belaka dengan tiada sebuah bukit pun kelihatan hingga berbatu-batu jauhnya. Hanya sempadan tenggara kelihatan beberapa banjaran gunung yang rendah.

### **Iklim:**

Iklim Pakistan Barat ialah panas dan kering. Lebih daripada separuh kawasannya memperoleh sedikit hujan, iaitu kurang dari 10 inci bagi setahun dan sebahagian besar daripada yang separuh lagi mendapat kurang daripada 20 inci. Kalaulah tidak mendapat air daripada sungai-sungai di Indus, sebahagian besar daripada Pakistan tentu akan menjadi padang pasir.

Di musim panas, hawa di waktu siang adalah sangat panas di Pakistan Barat. Kerap kali sepanas 100 darjah F. Beberapa tempat di kawasan itu (seperti Jacobabad) terkenal sebagai tempat-tempat yang panas di dunia. Di waktu malam hawanya turun dengan cepat bahkan sebanyak 20 darjah atau lebih. Di musim sejuk, hawanya terlalu sejuk.

Dalam bulan Januari hawanya kurang daripada 55 darjah di mana-mana sahaja; ada tempat-tempat di mana hawanya jauh lebih sejuk daripada itu.

Pakistan Timur mempunyai iklim tropika. Pada lazimnya perbezaan hawa dari satu musim ke satu musim tidak banyak bezanya, iaitu di antara 65 dengan 75 darjah. Hujan banyak

didapati, iaitu di antara 67 dengan 81 inci, tetapi yang paling banyak mendapat hujan ialah daerah Silhat; iaitu 255.67 inci.

### **Penduduk-penduduknya:**

Penduduk-penduduk Pakistan, menurut banci dalam tahun 1961, berjumlah 93,720,613 orang (Pakistan Timur 50,840,235 dan Pakistan Barat 42,880,378). Tafsiran Bangsa-bangsa Bersatu bagi tahun 1962 ialah 96,558,000. Orang-orang Islam berjumlah 88 peratus.

### **Bahasa rasmi:**

Bahasa rasmi Pakistan Barat ialah Urdu sedangkan bahasa rasmi Pakistan Timur ialah Benggali. Bahasa Inggeris ialah bahasa rasmi bagi sementara waktu.

### **Sejarah**

#### **Zaman dahulu:**

Pakistan ialah sebuah negeri baharu, ia lahir dalam tahun 1947 manakala benua kecil India dibahagi dua menjadi dua buah negeri yang merdeka. Tetapi buminya telah didudukinya orang sejak zaman purba. Ada tanda-tanda kampung di atas bukit yang wujud di antara tahun 20,000 (S.M.) dengan tahun 5,000; (S.M.) tanda-tanda ini dapat dilihat di sekitar Indus dan di bukit-bukit Balochistan. Lembah Indus mengandungi bekas-bekas peradaban purba yang amat elok yang wujud sekurang-kurangnya pada tahun 2,500 (S.M.)

Penggalian-penggalian yang dilakukan di Mohenjo-Daro, di Sind dan di Harappa di Punjab menunjukkan bahawa ada kaum-kaum yang tinggal di situ di zaman purba. Bandar di Mohenjo-Daro

<sup>1</sup> Rujukan: [http://en.wikipedia.org/wiki/Panjnad\\_River](http://en.wikipedia.org/wiki/Panjnad_River)

<sup>2</sup> Rujukan: [http://en.wikipedia.org/wiki/Chenab\\_River](http://en.wikipedia.org/wiki/Chenab_River)

<sup>3</sup> [http://en.wikipedia.org/wiki/Panjnad\\_River](http://en.wikipedia.org/wiki/Panjnad_River)

## Sejarah Pakistan

mempunyai jalan-jalan yang lurus dan lebar. Batu-batu bata yang baik perbuatannya telah digunakan dan ada rumah-rumah yang bertingkat dua atau lebih. Ada tempat-tempat simpanan gandum, perigi-perigi, tempat-tempat mandi dan longkang-longkang. Lantai balai-balainya teratur baik; dan ada tingkap-tingkap, pintu-pintu, bilik-bilik, mandi dan tangga-tangga di dalam rumah-rumah itu.

Orang-orangnya memakai pakaian yang dibuat daripada kapas dan bulu binatang dan barang-barang kemas yang dibuat daripada emas dan perak berikat batu-batu permata.

Orang-orang yang tinggal di lembah Indus adalah orang-orang yang mula-mula sekali menggunakan logam sebagai wang dan yang pertama sekali menggunakan roda.

Ke utara, bekas-bekas kampung-kampung Takhila dan lain-lain tempat di seluruh sempadan timur laut menunjukkan tanda-tanda pengaruh Yunani, khasnya pada bekas-bekas patung Yunani bersama-sama dengan bekas-bekas patung Buddha yang datang kemudiannya.

Orang-orang di lembah Indus telah ditewaskan oleh orang-orang Arya yang datang menyerang mereka di antara tahun 1,500 (S.M.) dalam beberapa kurun berikutnya, berbagai-bagai kaum telah datang menyerang. Raja Parsi, Cyprus, telah datang merampas daerah di sekitar Peshawar yang ada sekarang ini, dan Darius telah mengirinkan suatu angkatan laut dan merampas daerah yang sekarang diketahui sebagai Sind.


Dalam tahun 321-326 (S.M.) Alexander the Great telah menawan hampir seluruh kawasan yang diketahui sebagai Pakistan Barat sekarang ini. Sebenarnya di zaman dahulu

kawasan itu menjadi tempat lalu lintas bagi berbagai-bagai tentera dan kaum telah datang menduduki daerah dan kemudian meninggalkannya.

### Kedatangan Islam:

Pengembang-pengembang agama Islam dan saudagar-saudagar telah membawa Islam ke Pakistan Barat dalam tahun 682 hingga 692 Masihi dan ke Pakistan Timur dalam tahun 705 Masihi. Lebih kurang dalam

tahun 721 Masihi, kapal-kapal layar Islam yang belayar dari sebuah jajahan Islam di Ceylon ke Arabiah, telah berlabuh di Babil, sebuah pelabuhan dekat Karachi di Pakistan Barat, dan pemerintah Sind, raja Dahar yang beragama Hindu, telah merampas barang-barang muatan kapal-kapal tersebut dan orang-orang Islam di kapal-kapal itu dipenjarakan, ini menyebabkan khalifah Umayyah yang pada masa



Malik Faisal bin Abdulaziz dari Saudi Arabia sedang keluar dari Masjid Badshahi sewaktu lawatan baginda ke negara Pakistan pada tahun 1966 yang lalu.

## Sejarah Pakistan

itu menghantarkan suatu angkatan yang diketuai oleh Muhammad bin Qassim, yang berjaya menewaskan Dahar dan menegakkan pemerintahan Islam di Sind.

Dalam beberapa tahun yang berikutan, kuasa Islam telah bertambah kuat di kawasan itu yang sekarang ini diketahui dengan nama Pakistan Barat. Mahmud dari Ghazni (998 – 1030) telah menyerang benua kecil India kira-kira tujuh belas kali dan telah menumbuhkan sebuah kerajaan yang<sup>4</sup> menjadikan Lahore benteng pertama bagi kebudayaan dan pelajaran Islam di dalam benua kecil itu.

Dalam kurun ke sebelas Muhammad Ghauri, telah meluaskan kawasan kemenangan Islam di Bengal. Kerajaannya telah digantikan oleh kerajaan-kerajaan Islam yang lain yang dapat menawan sebahagian besar daripada benua kecil India – Pakistan. Raja-raja Mughal yang masyhur yang dinamakan mengikut nama-nama Mughal tetapi sebenarnya keturunan Tartar yang gagal itu, Timurleng, telah memerintah daripada tahun 1526 dengan menewaskan India Utara, yang dilakukan oleh Berberi.

Ia telah diikuti oleh Humayun dan kemudiannya Akbar yang berdamping dengannya dalam suatu himpunan orang-orang yang bijak pandai yang jarang dapat ditandingi oleh himpunan-himpunan yang lain di dalam dunia. Anaknya, Jahangir, bagi kali yang pertama di dalam sejarah India, telah menegakkan keadilan yang sewajarnya di negeri itu. Anaknya, Shah Jihan<sup>5</sup>, pembina yang amat cekap telah membina istana marmar, Taj Mahal, dan

berpuluh-puluh lagi bangunan yang indah permai dengan marmar, batu merah dan batu berukir.

Pada tahun 1,700, di bawah Aurangzeb, yaitu Mughal yang akhir sekali dan yang paling gagah, hampir seluruh benua kecil itu telah ditawan. Dan bagi kali yang pertama dalam sejarahnya. India merupakan sebuah negeri yang tidak berpecah belah. Pemerintahan Islam telah memulihkan keamanan dan membawa kemajuan serta kemakmuran dalam benua kecil itu, sementara itu ulama-ulama Islam, seperti Khawajah Moinuddin Chishti, telah memberi syarahan-syarahan berkenaan dengan Islam dan lama kelamaan berjuta-juta penduduk benua kecil itu telah menerima amanah sama taraf bagi sekalian makhluk. Kemudian, kuasa Islam telah merosot.

Dengan kemangkatan Aurangzeb dalam tahun 1707, kerajaan Mughal mulalah runtuh, keruntuhan ini dipercepatkan oleh pemerintah-pemerintah yang lemah dan oleh pergaduhan-pergaduhan berkenaan soal penggantian pemerintah. Berlakulah huru-hara dan kezaliman di daerah-daerah di benua kecil itu dan ramai anak-anak negeri bangkit dan berperang sama sendiri, dan ini memberikan kejayaan kepada British yang mencari jalan untuk mengambil alih kuasa.

### **Kekuasaan British:**

Mula-mulanya British telah memperoleh kebenaran berdagang dalam tahun 1600. Mereka telah mengambil peluang daripada perang di antara saudara dengan saudara dan telah melaksanakan dasar “pecah dan perintah” dan telah dapat memperluaskan pengaruh mereka. Perang

Plassey dalam tahun 1757 telah membolehkan Syarikat India Timur bertapak kuat di Bengal, dan kemudian kuasa British telah merebak ke seluruh benua kecil itu.

Suatu pertahanan yang akhir telah dilakukan oleh orang-orang Islam dalam Perang Kemerdekaan pada tahun 1857, dan setelah mereka tewas, kerajaan British telah mengambil alih kuasa pemerintahan di negeri itu. Dasar British telah menyebabkan semua orang-orang Islam disingkirkan daripada jawatan-jawatan pentadbiran di dalam pasukan polis, mahkamah-mahkamah, jawatan-jawatan pengadil, tentera dan pejabat cukai yang mana sebahagian besar daripadanya telah dijabat oleh orang-orang Islam berkurun-kurun lamanya.

Orang-orang Islam, yang telah berkurun-kurun lamanya menjadi golongan pemerintah, enggan mempelajari bahasa Inggeris, yang dianggap sebagai bahasa asing; sebaliknya orang-orang Hindu dengan cepatnya mempelajari bahasa itu dan dengan itu ramai daripada mereka telah memperoleh jawatan-jawatan rendah di bawah pegawai-pegawai British. Dari itu, orang-orang Islam telah rosak binasa dari segi ekonomi dan politik.

Kemudian timbul pula suatu zaman pensesuaian dan pembangunan Islam, dipercepatkan oleh semangat persaingan terhadap orang-orang Hindu yang pada masa itu mendapat perlindungan daripada British. Pemimpin gerakan Pensesuaian dan Pembangunan Islam itu ialah Sayyid Ahmad Khan, tokoh pelajaran dan pemikiran politik.

Gerakan telah meluas dan Dewan Pelajaran yang telah dibina olehnya di Aligarh mengeluarkan pemimpin-pemimpin dan

<sup>4</sup> Pengulangan perkataan yang.

<sup>5</sup> Perkataan sebenarnya adalah Jahan.

## Sejarah Pakistan

cendekiawan-cendekiawan Islam yang sangat perlukan itu. Tetapi cita-cita mencapai kemerdekaan daripada pemerintahan bangsa asing masih ada di segala lapisan masyarakat di benua kecil itu. Cita-cita ini menghasilkan pembentukan Liga Islam dalam tahun 1906; seratus juta orang Islam telah mula menyedari hakikat bahawa mereka diberi hak mempunyai wakil secara yang wajarnya di dalam kerajaan negeri.

Di bawah pimpinan Maulana Muhammad Ali, Liga Islam telah menyertai Kongres Kebangsaan India yang dikuasai oleh orang-orang Hindu, dalam melancarkan suatu perjuangan bersama terhadap cengkaman British. Tetapi, tidak lama kemudiannya orang-orang Islam telah sedar bahawa tujuan Kongres itu ialah hendak menubuhkan pemerintahan Hindu di seluruh benua kecil itu dengan berasaskan kenyataan bahawa orang-orang Hindu mempunyai bilangan terbesar di dalam benua kecil itu.

Setelah berusaha bertahun-tahun lamanya untuk bekerjasama secara ikhlas dengan Kongres itu dengan tidak mendapat sebarang hasil, Liga Islam itu menyatakan bahawa satu-satunya jalan untuk mencapai keadilan ekonomi dan sosial dan kebiasaan mengamalkan kepercayaan-kepercayaan mereka dalam lapangan agama dan kebudayaan ialah mencipta sebuah negeri yang berasingan di wilayah-wilayah India dalam mana-mana orang Islam mempunyai bilangan terbesar. Orang yang pertama sekali memikirkan soal menubuhkan


sebuah negeri Islam ialah Muhammad Iqbal – penyair pembangunan Islam – dalam tahun 1930, dan usulnya ini telah diterima oleh Liga Islam pada tahun 1940 sebagai suatu matlamat politik.

perjuangan politik yang berlanjutan telah berlaku yang mana berakhir dengan tercapainya kemerdekaan oleh benua kecil India – Pakistan dan lahirnya Pakistan sebagai sebuah negara Islam.

Di bawah pimpinan Qā'id al- 'Āzim

Muhammad Ali Jinnah, maka suatu

Bersambung



Rakyat Pakistan yang 90% daripadanya terdiri daripada orang-orang Islam sedang menunaikan sembahyang Jumaat di Masjid Badshahi di Lahore